

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

FIVE IMPORTANT TIPS TO HELP NOVICE  
ATHLETES IN SPORTS CONFIDENCE

## Turmeric & Coffee

The Suprising Ingredient Generating Short-Pulsed Laser

## EMAIL CARBON FOOTPRINT

A SOURCE FOR GREENHOUSE GASES EMISSIONS

## Creating Happiness

IN WORK AND LIFE IN SOCIETY: A RELIGIOS PERSPECTIVE

Teknik Pengucapan

# BARACK OBAMA

eISSN 2600-9811



9 772600 981003  
Publication Date  
7 November 2023



# PETALING JAYA INTERNATIONAL REMOTE- CONTROL POWERBOAT CHAMPIONSHIP 2023

## ADAKAH SEKADAR HOBI?



Hani Sakina Mohamad Yusof<sup>1</sup>, Suzila Mat Salleh<sup>1</sup>, Noor Hafiza Mohammed<sup>1</sup>, Siti Fatimah Mardiah Hamzah<sup>1</sup>, Mohd Hazrol Hassim<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu

<sup>2</sup>Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun

Emel koresponden: hanisakina@uitm.edu.my



**H**obi merupakan aktiviti yang dilakukan secara sukarela dan bukan sebagai pekerjaan utama. Hobi adalah sesuatu perkara yang dibuat tanpa ada tekanan ataupun kewajipan dan kebiasaannya dilakukan pada waktu lapang. Bagi seseorang yang mempunyai hobi, keadaan itu memberikan mereka kesenangan dan kepuasan peribadi selepas meluangkan sedikit masa untuk menjalankan aktiviti yang diminati. Secara langsung, hobi dapat membantu seseorang untuk melepaskan tekanan yang ada dan turut mengisi waktu lapang dengan cara yang lebih positif.

**Selalunya, hobi tidak menghasilkan pendapatan secara langsung, tetapi, pada mereka yang pandai menggunakan peluang yang ada, hobi turut boleh menghasilkan pendapatan kepada penggemarnya terutamanya hobi yang melibatkan hasil tangan yang kreatif.**

Terdapat pelbagai aktiviti yang berfaedah yang dapat dilakukan semasa waktu lapang seperti olahraga, seni, bercucuk tanam, membaca, mengembara, memasak dan sebagainya. Mementi permainan remote control juga merupakan hobi yang turut mendapat sambutan dari seluruh pelosok dunia. Hobi pada masa kini dapat dilakukan secara lebih meluas dengan penglibatan ramai orang dari pelbagai negara.

Baru-baru ini, pada Jun 2023 Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) berjaya mengumpulkan peminat-peminat RC bot dari tujuh buah negara dengan menganjur kejohanan "Petaling Jaya International Remote Control Powerboat Championship 2023" di Taman Tasik Bandaran Kelana Jaya. Kejohanan ini telah berjaya mengumpulkan peminat-peminat hobi dari dalam dan luar negara termasuk Brunei, Thailand, Vietnam, Indonesia, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Kuwait.

Kejohanan ini merupakan kali ke-15 penganjurannya sejak pertama kali diperkenalkan pada 15 Januari 2009. Penganjuran ini telah menjadi sebagai acara rasmi tahunan dan dimasukkan kedalam kalendar Tourism Selangor. Kejohanan kali ini telah mendapat penyertaan dari 167 peserta bersama-sama 675 buah bot.

Penganjuran program seperti ini bukan sahaja dapat menambahkan integrasi sosial di kalangan peserta dan penonton, malahan turut dapat meningkatkan integrasi teknologi yang digunakan dalam menghasilkan bot yang lebih stabil dan laju. Peserta yang mempunyai kelebihan dalam penghasilan bot yang lebih baik, akan lebih cenderung untuk menghasilkan alat ganti yang boleh dikongsi bersama-sama peserta lain melalui hasil jualan. Contohnya bagi penganjuran ini, peserta-peserta daripada Vietnam, membawa alat ganti yang boleh dijual semasa program berjalan. Dari situ, berhasilya bot-bot yang lebih berkualiti bagi memuaskan hati peminat-peminat hobi tersebut.

### RUJUKAN

MULIA, M. (2023, June 19). MBPJ anjur kejohanan bot kawalan jauh. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/komuniti/2023/06/mbpj-anjur-kejohanan-bot-kawalan-jauh/>





BizNewz 2023  
Faculty of Business and Management  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun  
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA  
Tel: +609-8400400  
Fax: +609-8403777  
Email: [biznewzuitm@gmail.com](mailto:biznewzuitm@gmail.com)